



Rujukan Kami : PMS/UP/656-3 Jld. 4 (33)
Tarikh : 25 Oktober 2018 / 16 Safar 1440H

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

YBhg. Datuk/ Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 2/2018**

**PEMAKLUMAN PENGIKLANAN TENDER DAN PENGHANTARAN KERTAS
TAKLIMAT TENDER SECARA MANUAL BAGI TENDER-TENDER YANG
DIPUTUSKAN OLEH LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH (LPPS)**

Dengan hormatnya sukacita saya menarik perhatian YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Bermula 01 Julai 2018, semua perolehan adalah dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem ePerolehan seperti yang telah dimaklumkan melalui surat Kementerian Kewangan Malaysia rujukan **S/K.KEW/PK/MOF/D/00 JLD.10 SK.6 (14) bertarikh 29 Jun 2018**. Ketetapan ini sekaligus merubah kaedah pelaksanaan perolehan dari peringkat awalan iaitu tawaran hinggalah ke peringkat dimuktamadkan (dibuat keputusan). Sehubungan itu, selaras dengan pelaksanaan baharu ini, pejabat ini selaku Urus Setia Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah (LPPS) akan menerima penghantaran kertas taklimat tender melalui Sistem ePerolehan dan tidak lagi secara manual seperti amalan kebiasaannya. Namun demikian, sebagai langkah kawalan dan tujuan rekod jabatan ini, Urus Setia LPPS memohon agar **penghantaran kertas taklimat secara manual ini diteruskan** sehingga

"MENJANA KEMAKMURAN NEGARA"
CEPAT, TEPAT, MESRA, AMANAH



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT NO: AR 3485

pemakluman lain diberikan. Seluruh agensi adalah dengan ini dipohon untuk **menghantar kertas taklimat tender secara manual tersebut sebanyak dua (2) salinan** kepada pihak Urus Setia LPPS.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk memastikan bahawa kaedah penghantaran kertas taklimat tender kepada Urus Setia LPPS adalah mematuhi tatacara dan prosedur penghantaran dokumen terperingkat seperti yang digariskan dalam Arahan Keselamatan Kerajaan. Sebagai tambahan, demi menjaga keselamatan dan kerahsiaan maklumat sulit kertas taklimat tender tersebut, pejabat ini memohon agar **kesemua salinan kertas taklimat tender yang dikemukakan ke pejabat ini adalah disediakan/ dimasukkan ke dalam sampul berlakri secara berasingan setiap satu (1) salinan sebelum diserahkan ke pejabat ini.**

4. Sukacita ditarik perhatian pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan agar **memaklumkan senarai tender yang akan diiklankan melalui atas talian** yang bakal diputuskan oleh LPPS. Pemakluman ini adalah bertujuan memudahkan jadual mesyuarat LPPS dirangka oleh Urus Setia LPPS dan sebagai rekod awalan sebelum tender diputuskan.

5. Kerjasama dan perhatian daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD YUNUS BIN CHARLIE CHARINGTON)
Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah